



**LAPORAN TAHUNAN**

**2021**

**UNIT  
KEJURURAWATAN**

**HOSPITAL TAIPING**

# LAPORAN TAHUNAN UNIT KEJURURAWATAN HOSPITAL TAIPING TAHUN 2021

## 1. PENGENALAN

Unit Perkhidmatan Kejururawatan merupakan perkhidmatan yang penting dalam organisasi Hospital Taiping. Unit ini bertanggungjawab menyelia jururawat dari aspek perkhidmatan, latihan dan kebajikan. Pada tahun 2021 terdapat 1059 anggota jururawat yang mana kategori gred U29 adalah golongan yang paling ramai. Jumlah anggota jururawat ini termasuk 15 orang jururawat kontrak kategori gred U29 yang dipinjamkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia akibat kekangan tugas semasa penularan wabak Covid 19.

Unit ini diketuai oleh Ketua Penyelia Jururawat U42 yang bertanggungjawab ke atas tugas penyeliaan yang menyeluruh terhadap penyeliaan Perkhidmatan Kejururawatan, beliau dibantu oleh 3 orang Penyelia Jururawat U42, 8 orang Penyelia Jururawat U36 yang menjaga pelbagai disiplin seperti Perubatan, Pembedahan, Dewan Bedah Am, Dewan Bedah Bersalin, Pediatrik, *Obstetric & Gynaecology*, Multi Disiplin serta Unit Sokongan.

Disamping itu terdapat 6 orang Jururawat U41 yang menjalankan tugas perawatan klinikal di wad-wad atau unit-unit mengikut senarai tugas yang ditetapkan serta berdasarkan kepakaran masing-masing.

Unit kejururawatan berfungsi untuk merancang, melaksanakan, menyelaras dan menilai amalan kejururawatan serta bertanggungjawab di dalam pelaksanaan tugas-tugas harian di bahagian klinikal supaya ianya berkualiti, efisien, berkesan dan memenuhi kehendak pelanggan.

## 2. STATISTIK PERKHIDMATAN JURURAWAT DARI TAHUN 2017 HINGGA DISEMBER 2021

Peruntukan isian dan kekosongan sehingga 31.12.2021, jawatan-jawatan yang telah diisi adalah seperti berikut :

**JADUAL 1 : PROFESIONAL & PENGURUSAN**

GRED	Jururawat U44			Jururawat U42			Jururawat U41		
	J	I	K	J	I	K	J	I	K
TAHUN									
2017	0	0	0	4	3	1	6	6	0
2018	1	1	0	4	3	1	5	4	1
2019	1	1	0	4	4	0	5	4	1
2020	1	0	1	4	4	0	5	5	0
2021	0	0	0	4	4	0	6	6	0

**JADUAL 2 : SOKONGAN 1 (JURURAWAT)**

GRED	Jururawat U36			Jururawat U32			Jururawat U29/ KUP U32			Jururawat U29 TBK 1 & 2		
	J	I	K	J	I	K	J	I	K	J	I	K
2017	9	9	0	71	71	0	779	777	2	0	0	0
2018	9	6	3	71	71	0	779	771	8	0	0	0
2019	9	9	0	71	70	1	781	774	7	0	0	0
2020	9	9	0	71	71	0	781	777	4	15	15	0
2021	9	8	1	71	69	2	845	811	34	15	15	0

**JADUAL 3 : SOKONGAN 2 (JURURAWAT MASYARAKAT)**

GRED	Jururawat Masyarakat U26			Jururawat Masyarakat U24			Jururawat Masyarakat U24 (KUP)/U19		
	J	I	K	J	I	K	J	I	K
2017	1	1	0	6	6	0	158	146	12
2018	1	1	0	6	6	0	158	141	17
2019	1	1	0	6	6	0	158	141	17
2020	1	1	0	6	6	0	143	126	17
2021	1	1	0	6	6	0	143	124	19

**JADUAL 4 : SOKONGAN 2 ( PENOLONG JURURAWAT )**

GRED	Penolong Jururawat U11/U14		
	J	I	K
2017	13	3	10
2018	13	0	13
2019	13	0	0 (JSPA – 13)
2020	0	0	0
2021	0	0	0

**JADUAL 5 : SOKONGAN 2 - BIDAN**

GRED	Bidan U14			Bidan KUP U14		
	J	I	K	J	I	K
2017	2	0	2	6	1	5
2018	2	0	2	6	1	5
2019	2	0	0 (JSPA- 2)	6	1	5
2020	0	0	0	0	0	0
2021	0	0	0	0	0	0

### **3. AKTIVITI - AKTIVITI UNIT KEJURURAWATAN**

#### **A. KURSUS-KURSUS**

- I. KURSUS ULANGKAJI DALAM PERKHIDMATAN DAN PATIENT SAFETY GOAL**  
Tarikh : 29 Mac 2021
- II. KURSUS MEDICATION SAFETY**  
Tarikh : 6 April 2021 & 8 November 2021
- III. KURSUS TRAINING OF TRAINERS FOR MENTOR MENTEE**  
Tarikh: 6 Mei 2021
- IV. KURSUS NURSING CARE PLAN AND REPORT WRITING**  
Tarikh : 9 Disember 2021
- V. KURSUS NATIONAL NURSING AUDIT & NORNA**  
Tarikh: 1 November 2021
- VI. KURSUS JURURAWAT IDAMANKU**  
Tarikh: 22 November 2021 – 23 November 2021
- VII. KURSUS NURSING INDICATOR APPROACH**  
Tarikh: 24 Mac 2021
- VIII. KURSUS PENGURUS WAD**  
Tarikh: 2 November 2021

#### **B. MAJLIS JASAMU DIKENANG 2021**

- Jururawat bersara tahun 2021

Tarikh : Januari 2021 – Disember 2021

#### **C. SAMBUTAN HARI JURURAWAT 2021**

-Pemberian Cenderahati Kepada Jururawat Hospital Taiping

Tarikh : 12 Mei 2021

#### **D. PEMBERIAN DERMA IKHLAS KEPADA WARIS**


-Penyerahan derma kepada waris atas pemergian keluarga terdekat Jururawat (Derma dari Unit Kejururawatan)

#### **E. PEMBERIAN CENDERAHATI KEPADA JURURAWAT KEMASUKAN KE WAD**

Tarikh : Januari 2021 – Disember 2021

#### 4. CARTA ORGANISASI UNIT KEJURURAWATAN

Kejururawatan telah diletakkan sebagai satu bahagian di dalam struktur organisasi di setiap hospital. Aktiviti utama di hospital merangkumi aktiviti rawatan pesakit dalam, rawatan pesakit luar dan perkhidmatan sokongan yang merupakan perkhidmatan terbesar yang memerlukan perkhidmatan kejururawatan. Bahagian kejururawatan mempunyai komitmen yang tinggi terhadap organisasi untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan dan mempunyai visi mewujudkan golongan yang unggul untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada setiap pesakit.



## 5. CARTA FUNGSI UNIT KEJURURAWATAN

### UNIT KEJURURAWATAN

1) Memberi perkhidmatan berkualiti yang menyeluruh kepada keperluan pelanggan dalaman atau luaran.

2) Menjadi pasukan kesihatan professional yang dinamik dan responsif untuk memberi perkhidmatan yang efisien dan efektif secara professional.

3) Mewujudkan kesinambungan perkhidmatan bagi mencapai tahap kesihatan optima:

- Bekerjasama dengan pelanggan dan komuniti.
- Mempromosi kesihatan kepada individu, keluarga dan komuniti.
- Memberi perkhidmatan perawatan berdasarkan bukti-bukti saintifik serta mempertingkatkan amalan kejururawatan dengan aktiviti penyelidikan dan pembangunan.
- Mengekalkan profesionalisma dengan mempertingkatkan tahap kompetensi seiringan dengan perkembangan teknologi terkini.

4) Memastikan perawatan holistik diberi kepada pesakit dengan menitikberatkan aspek fizikal, emosi, sosial dan keagamaan berpandukan nilai-nilai perkhidmatan dan penyayang.

5) Menentukan prosedur dilakukan mengikut polisi wad/hospital dan piawaian yang ditetapkan.

6) Bertanggungjawab menentukan infeksi nosokomial terkawal.

7) Memberi bimbingan serta latihan berterusan, menyampai maklumat teknikal kepada anggota kerja untuk menambah pengetahuan dan kemahiran.